

GUIDELINES ON THE PRACTICE OF MAGIC ACCORDING TO THE ISLAMIC PERSPECTIVE

GARIS PANDUAN MENGENAI AMALAN SIHIR MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Muna bin Hamzan

Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Terengganu, Malaysia

Abstract

This study aims to provide general guidance to religious authorities and the prosecution on the conduct of magic in society for the purpose of the process of enforcement and prosecution of magic practitioners. Apart from that, it is also an explanation and exposure to the Muslim community about the dangers of believing in the practice of magic and its use that can lead to the deviation of the beliefs of a Muslim. This study is based on the Results of the Muzakarah of the Fatwa Committee of the National Council for Islamic Religious Affairs Malaysia: Law on the belief in the practice of magic and its use according to Islamic perspective has been gazetted as a Fatwa in several State Fatwa Departments in Malaysia. Violation of the fatwa decision that has been gazetted as an offense because it is considered an insult to Islam and the Religious Authority. The objective of this study will be to discuss the characteristics of superstitious practices, forms of magic practices, the characteristics of magic practitioners, in brief, the role of the authorities in combating magic practices. The methodology used in this study is a library study that is the analysis of documents such as books and articles. It is hoped that these guidelines can also provide understanding and explanation to Muslims in this country on the characteristics of the practice of magic, superstition, and magic according to the Islamic perspective with the hope that the Muslim community stays away from all practices that can threaten the faith, threaten the lives of others and affect harmony society if there is no collective effort from all authorities to curb it.

Keywords: *Magic, Magic Practitioners, Magic in Islam.*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk memberi panduan umum kepada pihak penguatkuasa agama dan pihak pendakwaan mengenai pelakuan sihir dalam masyarakat bagi tujuan proses penguatkuasaan dan pendakwaan terhadap pengamal sihir. Selain itu, ianya juga sebagai penjelasan dan pendedahan kepada masyarakat Islam mengenai bahaya kepercayaan terhadap amalan sihir serta penggunaannya yang boleh membawa kepada penyelewangan akidah seseorang muslim. Kajian ini adalah bertitik tolak daripada Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia: Hukum mengenai kepercayaan amalan sihir dan penggunaannya menurut perspektif Islam ini telah diwartakan sebagai Fatwa di beberapa Jabatan Fatwa Negeri di Malaysia. Pelanggaran terhadap keputusan Fatwa yang telah diwartakan merupakan suatu kesalahan kerana ia dianggap sebagai menghina Agama Islam dan Pihak Berkuasa Agama. Objektif kajian ini akan membincangkan ciri-ciri amalan khurafat, bentuk-bentuk amalan sihir, ciri-ciri pengamal sihir secara ringkas, peranan pihak berkuasa membanteras amalan sihir. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan iaitu analisis dokumen seperti buku-buku dan artikel-artikel. Adalah diharapkan garis panduan ini juga dapat memberi kefahaman dan penjelasan kepada umat Islam di negara ini mengenai ciri-ciri amalan sihir, khurafat dan tangkal menurut perspektif Islam dengan harapan supaya masyarakat Islam menjauhi segala amalan yang boleh menggugat akidah, mengancam nyawa orang lain serta menjelaskan keharmonian masyarakat sekiranya tiada usaha secara kolektif dari semua pihak yang berautoriti untuk membendungnya.

Kata kunci: *Sihir, Pengamal Sihir, Sihir dalam Islam*

Pendahuluan

Kepercayaan terhadap amalan sihir boleh menjerumuskan pelakunya kepada perbuatan syirik dan kerosakan aqidah. Kepercayaan dan amalan tersebut masih lagi dipegang atau diamalkan oleh segelintir masyarakat Islam berpunca daripada pelbagai punca. Antara puncanya ialah kejahanan terhadap ilmu akidah Islam, kelemahan iman, kurang kefahaman ilmu agama, terpedaya dengan godaan syaitan dan hawa nafsu, terdapat permintaan dan sebagainya.

Manusia sering mencari sesuatu yang boleh dijadikan sebagai perlindungan untuk diri, keluarga dan harta benda. Contohnya, terdapat segelintir masyarakat yang mengambil jalan mudah dan luar daripada kebiasaan, iaitu mereka menggunakan amalan sihir, khurafat dan tangkal sebagai satu kaedah melindungi diri dari serangan jin, syaitan dan penyakit, mengelakkan kecelakaan, menjadikan orang gerun atau kasih padanya. Tangkal merupakan salah bentuk amalan sihir. Ianya biasanya dipakai pada tubuh atau disimpan dalam beg atau diletakkan dalam premis perniagaan mereka.

Implikasi yang paling besar akan dihadapi umat Islam jika mempercayai sihir dan beramal dengannya ialah terjerumus kepada berleluasanya amalan sihir yang memesongkan aqidah, membawa kesyirikan, hilang keyakinan kepada Qadha' dan Qadar Allah s.w.t, mewujudkan sikap malas berusaha dan mudah berputus asa. Sihir merupakan amalan yang ditegah dalam Islam bahkan perbuatan sihir boleh membawa pengamal atau

pelakunya mensyirikkan Allah S.W.T dan menyebabkan terpesong akidah. Islam melarang umatnya daripada terjebak dengan perbuatan sihir kerana ia merupakan antara tujuh dosa-dosa besar yang diazab oleh Allah S.W.T dengan azab yang pedih.

Pelbagai punca yang menyebabkan seseorang mengamalkan dan menggunakan sihir ialah akibat kejahanilan ilmu akidah, membala dendam kesumat, hasad dengki, hasutan jin dan syaitan, mencari keuntungan peribadi dan sebagainya.

Garis panduan ini adalah bertitik tolak daripada Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Hukum mengenai kepercayaan amalan sihir dan penggunaannya menurut pespektif Islam ini telah diwartakan sebagai Fatwa di beberapa Jabatan Fatwa Negeri di Malaysia. Pelanggaran terhadap keputusan Fatwa yang telah diwartakan merupakan suatu kesalahan kerana ia dianggap sebagai menghina Agama Islam dan Pihak Berkuasa Agama.

Pihak berkuasa Malaysia (Bahagian Pengurusan Fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), (2009) melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-33 yang bersidang pada 11 Oktober 1993 memutuskan bahawa: “Amalan ilmu hitam merupakan perbuatan sihir adalah dosa besar, dan boleh membawa kepada syirik serta hukum mempelajarinya adalah haram, pengamal sihir yang mendatangkan mudarat kepada manusia adalah berdosa besar dan pelaku jenayah, maka

wajib dihukum qisas atau hudud, pihak berkaitan hendaklah menyediakan peruntukan undang-undang bagi menghukum pengamal-pengamal yang sabit melakukan sihir”.

Tambahan lagi, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-39 yang bersidang pada 21 Ogos 1995 juga memutuskan tentang penggunaan jin menurut Islam. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ialah: “Bahawa bersahabat dengan jin dengan tujuan mendapatkan pertolongan dalam perkara yang ditegah oleh syarak adalah haram, meminta pertolongan jin dalam rawatan perubatan sehingga membawa kepada syirik adalah haram, meminta pertolongan jin untuk mencari kekuatan dan kehebatan adalah haram, meminta dan menggunakan khidmat jin untuk ilmu sihir atau nujum adalah haram”.

Keputusan muzakarah ini turut mendapat perhatian Majlis Ugama Islam Negeri Pahang (MUIP) sehingga diwartakan fatwa (Subseksyen 39 (6) di bawah Enakmen 3/91 bernombor rujukan M.U.I.Phg. 2/116/2).

Garis panduan ini disediakan untuk memberi panduan umum kepada badan Kehakiman Syariah mengenai pelakuan sihir dalam masyarakat bagi tujuan proses penguatkuasaan dan pendakwaan terhadap pengamal sihir. Selain itu, ianya juga sebagai penjelasan dan pendedahan kepada masyarakat Islam mengenai bahaya kepercayaan terhadap amalan sihir serta penggunaannya yang boleh membawa kepada penyelewangan aqidah seseorang muslim.

Garis panduan ini juga diharap dapat memberi kefahaman dan penjelasan kepada umat Islam di negara ini mengenai ciri-ciri amalan sihir, khurafat dan tangkal menurut perspektif Islam dengan harapan supaya masyarakat Islam menjauhi segala amalan yang boleh menggugat akidah, mengancam nyawa orang lain serta menjelaskan keharmonian masyarakat sekiranya tiada usaha secara kolektif dari semua pihak yang berautoriti untuk membendungnya.

Takrif Sihir, Khurafat dan Tangkal

Sihir adalah sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh manusia untuk mencapai sesuatu tujuan, yang dilakukan dengan cara mendekatkan diri kepada syaitan. Amalan sihir tersebut berlaku apabila manusia menggunakan bantuan daripada syaitan (Abdul Rahman Juza', 2001).

Sihir juga adalah simpulan, ikatan, jampi-jampi, perkataan yang dilontarkan secara lisan mahupun tulisan, atau melakukan sesuatu yang mempengaruhi badan, hati atau akal orang yang terkena sihir tanpa berhubung langsung dengannya. Sihir ini mempunyai hakikat. Antaranya ada yang boleh membawa kematian, kesakitan, menjelaskan hubungan suami isteri atau memisahkan suami isteri atau membuat salah satu pihak membenci antara satu sama lain atau juga membuat kedua belah pihak saling mencintai (Ibnu Qudamah Al-Maqdisi, 1992).

Wahid Abdul Salam al-Bali, (2002) menyatakan bahawa sihir merupakan kesepakatan antara tukang sihir dan syaitan

dengan ketentuan bahawa tukang sihir akan melakukan pelbagai perkara haram atau syirik dengan bantuan syaitan kepada tukang sihir dan kepatuhan untuk melakukan apa saja yang dimintanya.

Khurafat ialah kepercayaan-kepercayaan karut yang bertentangan dengan agama Islam dan tidak terdapat dalam sumber-sumber perundangan Hukum Syarak yang muktabar iaitu al-Quran, al-Hadith, Ijma' dan Qiyas mengikut fahaman dan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti mengunjungi kubur yang dianggap keramat, mandi bunga untuk mendapatkan jodoh, azimat yang mengandungi mentera-mentera sesat. Selain itu, khurafat juga ialah semua cerita sama ada rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang dari ajaran Islam. Khurafat juga merangkumi cerita dan perbuatan yang direka dan bersifat karut atau dusta.

Tangkal ialah suatu bentuk permohonan untuk mendapatkan pertolongan atau bantuan dengan menggunakan suatu objek yang ditulis dengan ayat-ayat atau huruf tertentu atau objek tertentu yang dianggap mempunyai kesaktian dan kuasa ghaib yang melampaui kekuatan semula jadi apabila dijampi atau dipuja untuk mendapatkan pertolongan atau bantuan bagi manfaat diri sendiri atau untuk memudharatkan orang lain. Dewasa ini, penggunaan sihir seperti tangkal masih lagi berleluasa. Contohnya ada orang yang menggunakan untuk kepentingan diri dan ada yang menggunakan untuk tujuan jenayah. Kebiasaanya dalam bidang perubatan tradisional,

penggunaan tangkal yang dihasilkan oleh pawang, bomoh dan dukun begitu meluas diamalkan.

Amalah Khurafat

Antara amalan khurafat yang didapati berlaku dan diamalkan oleh segelintir umat Islam adalah seperti berikut :

1. Penggunaan pelaris dalam kalangan peniaga Melayu seperti penggunaan azimat, tangkal, “ibu duit” dan wafak jawa atau siam serta gambar orang soleh yang dianggap mempunyai kuasa mlariskan perniagaan mereka.
2. Mengikuti beladiri ilmu tenaga dalam dan pernafasan atau Hypnotis.
3. Menggunakan Quran kecil yang disengaja diletakkan di tumit kasut untuk dipakai selama tujuh hari.
4. Menulis ayat-ayat tertentu daripada Al-Quran dengan darah haid untuk dijadikan tangkal azimat.
5. Membawa Al-Quran ke dalam tandas dan membacanya ketika membuang air besar atau kecil.
6. Memijak Al-Quran dengan menjunjung azimat yang diperbuat daripada rajah-rajah, dan angka-angka tertentu.
7. Berzikir dengan perkataan-perkataan yang tidak diketahui bahasanya dan tidak diketahui maknanya (berkemungkinan memuja nama-nama syaitan).

8. Menyembelih kambing atau ayam atau merpati hitam dengan menyebut perkataan-perkataan tertentu dan dilarang menyebut nama Allah.
9. Membunuh orang Islam untuk diambil darahnya dan dipuja bagi tujuan menjamu makhluk halus.
10. Membaca doa dan bertakbir di tiang bendera semasa upacara menurun dan menaikkan bendera dengan kepercayaan tertentu terhadap sesuatu yang dianggap keramat.
11. Menyapu dan menyiram cairan cendana dan yang seumpamanya pada batu nisan, membentang kain penutup ke atas kubur, membalut kain pada batu nesan, memasang colok, meletakkan bendera di atas kubur dan sebagainya.
12. Perarakan membawa bendera, bunga telur, bunga-bungaan, buah-buahan di dalam dulang sambil berselawat beramai-ramai menuju ke kubur tertentu yang dianggap keramat.
13. Membawa haiwan ternakan hidup ke sesuatu tempat untuk disembelih bagi tujuan tertentu seperti membayar nazar, memohon hajat, lambang terima kasih kepada kubur dan simbol upacara penutup selepas usaha memuja tempat yang didakwa keramat.
14. Melakukan bai'ah di atas kubur atau tempat-tempat yang dianggap keramat.
15. Upacara suluk atau uzlah dengan menghabiskan zikir tertentu berhari-hari di kawasan kubur dengan

kepercayaan boleh meningkatkan taraf atau darjat di sisi Allah.

Ciri-ciri Amalah Khurafat

Amalan khurafat dapat dikenalpasti melalui ciri-ciri seperti berikut:

1. Ia tidak bersumberkan kepada sumber-sumber perundangan Hukum Syarak yang muktabar iaitu al-Quran, al-Hadith, Ijma' Ulamak dan Qiyas yang menjadi pegangan kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia.
2. Ia merupakan kepercayaan karut marut, cerita-cerita dongeng atau khayalan.
3. Ia bersumberkan kepada pegangan atau kepercayaan lama nenek moyang dan adat yang bercanggah dengan akidah Islam.
4. Ia berbentuk pemujaan dan permohonan kepada selain daripada Allah Ta'ala untuk tujuan tertentu seperti memohon kepada khadam jin, jampi seru, jampi serapah.
5. Ia melibatkan penggunaan objek-objek tertentu seperti keris, tanah kubur, pokok, menanam paku, tahi besi, serbuk emas, telur itik, telur angsa, cabang buluh, daun berduri, kemenyan, botol berisi kacang hijau, tanah busut dan sebagainya untuk tujuan yang tertentu.
6. Ia mengandungi unsur-unsur yang boleh membawa kepada syirik, merosak atau menjelaskan akidah dan syariat Islam.

Bentuk-bentuk Amalan Sihir

Amalan sihir boleh berlaku dalam pelbagai bentuk seperti berikut :

1. Kepercayaan kepada keramat seperti batu permata, cincin, makam, kubur, pokok kayu, telaga keramat, tongkat, anggota haiwan tertentu dan sebagainya.
2. Kepercayaan kepada perkara sial seperti adat mandi membuang sial seperti kepercayaan lambat jodoh, adat mandi safar, dan sebagainya.
3. Kepercayaan kepada kekuatan dan kekuasaan jin seperti khadam jin serta meminta pertolongan daripada jin walaupun didakwa jin Islam seperti adat membuka gelanggang silat, adat merenjis tepung tawar dan air mawar, adat puja pantai dan sebagainya.
4. Kepercayaan kepada bertambah dan berkurangnya rezeki yang dikaitkan dengan semangat atau kekuatan anasir halus atau makhluk tertentu seperti adat memuja semangat padi, membuang ancak ke sungai dan laut dan sebagainya.
5. Kepercayaan kepada alamat petanda dan pantang larang contohnya seperti tidak boleh keluar ketika biawak melintas jalan, burung hantu dan gagak berbunyi kerana takut mendapat sial atau bala, tidak boleh melihatkan bayi

di muka cermin kerana kelak ia akan mati di dalam air, dan sebagainya.

6. Kepercayaan kepada rajah tangkal bahasa siam atau jawa, di dinding rumah; atau mengantung cebisan kelambu kaabah, menyimpan keris berpuja, cincin azimat, batu geliga, susuk, batu serai, bunga serai, ibu duit, kayu kokka dan batu petir, ramalan bintang, zodiak, angka, nombor, kod matrik, tarikh kelahiran, abjad nama, rajah-rajab tertentu, kitaran hari dan bulan dalam kalender, bertenburg nasib dan sebagainya dalam merancang dan melaksanakan sesuatu perkara dan mengatur kehidupan serta menentukan masa depan.
7. Memuja objek-objek tertentu, memuja roh nenek moyang, memuja kubur-kubur keramat yang dianggap wali atau syeikh tertentu, melakukan upacara menghadirkan roh dan sebagainya.

Ciri-ciri Pengamal Sihir

Banyak cara untuk pengenalan ahli sihir yang diambil dari petunjuk-petunjuk syariat, antaranya:

1. Pengakuannya bahawa dia mengamalkan sihir (ikrar).
2. Persahabatan manusia dengan jin (makluk halus) seperti ada makhluk yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar membawa sesuatu kepadanya di hadapan mata yang melihat seperti membawa bunga atau herba atau senjata-senjata lama, batu permata dan sebagainya.

3. Terbukti bahawa seseorang itu (Arraf) atau (Kaahin) atau (Munajjim -Tukang nujum).
4. Ada peralatan yang sedang digunakannya (bukan disimpan) yang pada kebiasaannya digunakan oleh ahli-ahli sihir khususnya di Malaysia seperti perasap kemenyan dengan tengkorak manusia atau haiwan dengan jampi mantera yang tidak difahami maknanya.
5. Menggunakan alat-alat tertentu seperti pinggan-pinggan dan mangkuk lama khusus untuk menilik nasib atau untuk mengetahui sesuatu yang ghaib.
6. Menggunakan tangkal-tangkal azimat atau rajah-rajah sihir untuk dipakai atau digantung atau diletakkan di tempat-tempat tertentu.
7. Mengajar atau mengamalkan ilmu yang menghasilkan perkara-perkara ganjil yang mencarik adat seperti ilmu kebal atau ilmu boleh melukakan (bedah penyakit) akan tetapi boleh disembuhkan segera tanpa kesan parut.
8. Dengan terbukti ada di dalam simpanan seseorang itu bahan-bahan bertulis yang boleh dibuktikan bahawa itu adalah amalan sihir yang diamalkannya atau diajarkannya kepada muridnya.
9. Menghina sesuatu yang suci dalam Islam seperti memijak Al-Quran atau menulis ayat-ayat Al-Quran dengan najis-najis tertentu atau menulis ayat Al-Quran dengan mengubahnya berbagai-bagai cara.

10. Memuja makhluk halus dengan menghidangkan jamuan tertentu kepadanya dan meminta tolong daripadanya dan lain-lain.

Pihak Berkuasa Perlu Banteras Amalan Sihir

Amalan sihir merupakan amalan yang bercanggah dengan Al-Quran dan Hadis merupakan satu bentuk penyelewangan akidah dan kezaliman serta menjadi tanggungjawab pihak berkuasa untuk melarang dan membanteras amalan tersebut. Justeru, pihak berkuasa khususnya JAKIM dan Jabatan agama Islam negeri perlu mengambil langkah proaktif untuk menangani kegiatan-kegiatan yang berlawanan dengan akidah ini. Antaranya ialah dengan penguatkuasaan beberapa peruntukan dalam enakmen-enakmen jenayah syariah negeri untuk membanteras amalan sihir. Sebagai contoh, peruntukan Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991, No.6 tahun 1991 di bawah Seksyen 63 dan 65 berkaitan Menghina Agama Islam, dan Menghina Pihak Berkuasa Agama. Selain itu juga, terdapat seksyen 4 dan 9 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 berkaitan pemujaan salah dan perbuatan mempersendakan ayat Al-Quran dan Hadith perlu dikuatkuasakan.

Kesimpulan

Segala bentuk penggunaan sihir sama ada yang berbentuk amalan atau kepercayaan boleh membawa kepada syirik dan bercanggah dengan aqidah dan syariat Islam. Oleh itu, menjadi kewajipan setiap umat Islam mengetahui dan memahami hakikat

sihir ini menurut perspektif Islam dan tidak terpedaya dengan syaitan dan hasutan nafsu yang menyesatkan. Semoga garis panduan ini dapat memberi kefahaman dan penjelasan kepada umat Islam mengenai amalan sihir daripada perspektif Islam dan seterusnya dapat menghindarkan diri daripada terjebak dalam kepercayaan dan amalan sihir yang boleh mencemarkan kesucian dan kemurnian aqidah Islam yang benar.

Daftar Pustaka

- Abd Rahman Juza, *Al-Jinayah bi al-Sihr Hukmuha wa 'Uqabatuha wa Turuqu Ithbatihha wa ba'd Tatbiqatiha fi al-mahakim al-Syar'iyyah* (Ar-Riyadh : Dar al-Asimah, 2001), hlm. 29.
- Abi al-'Abbas Ahmad bin Muhammad bin 'Ali bin Hajar al-Makki al-Haitami, *Az-Zawajir 'an Iqtiraf al-Kabair*, 1418H/1998, Juz 1, Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Daud As-Sajastani, *Sunan Abi Daud*, 1416H/1996, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Adil Akhyar, *Khurafat Alam Melayu*, , 2010, Johor Bahru, Johor: Pustaka Azhar.
- Al-'Allamah Abi Thayyib Muhammad Syams al-Haqq al-Azhim Abadi, 'Aun al-Ma'bud Syarh Sunan.
- Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, t.th, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Ghazali, *Al-Munqiz Min Ad-Dalal* hlm 79.
- Al-Hafiz Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari* bi Syarh Shahih al-Bukhari, Juz 11, Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Ilaj bir-Ruqa minal Kitab was Sunnah, hlm. 82-83.
- Al-Mu'jam al-Wasit, 1985, Al-Qaherah: Bi Syirkah al-Ilanat al-Syarqiah.
- Al-Munawi, *Faidhul Qodir* Jld. 2, hlm. 426.

- Al-Munjid fi al-Lughah wa al-Adab wa al-‘Ulum, t.th., Beirut:
Al-Matba’ah al-Kathulakiah.
- Al-Muslim, Sahih Muslim Bi Syarh An-Nawawi, t.th, Kaherah:
al-Maktabah al-Misriyah.
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Seksyen 4 dan 9 berkaitan pemujaan salah dan perbuatan mempersendakan ayat Al-Quran dan Hadith.
- Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991, No.6 tahun 1991 (Seksyen 63 dan 65 berkaitan Menghina Agama Islam, dan Menghina Pihak Berkuasa Agama).
- Ensiklopedia Islam, 2004, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatwa Mufti Kerajaan, 1999, Terbitan Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.
- Fatwa Mufti Kerajaan, 2004, Terbitan Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.
- Ibn Qudamah, 1992. *Mughni al-Muhtaj*, (Maktabah Kaherah). Jld. 12, hlm. 302.
- Ibnu Hajar al-Haitami, Fatawa Haditsiyyah hlm. 2.
- Ibnu Qoyim, At-Thibb an-Nabawi.
- Ismail Awang, Adat Orang-Orang Melayu Yang Bertentangan Dengan Akidah Islam, 1996, Kota Bharu, Kelantan: Cetakan Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2000, Kuala Lumpur: dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, 2009, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mahyuddin Ismail Ph.D, Ahli Sihir Ke Tali Gantung, 2011, Batu Caves, Selangor: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Majlis Ugama Islam Negeri Pahang (MUIP) sehingga diwartakan fatwa (Subseksyen 39 (6) di bawah Enakmen 3/91 bernombor rujukan M.U.I.Phg. 2/116/2).

Mazanan Yusof, Kertas kerja bertajuk ‘Hukum Beramal Dengan Khurafat dan Azimat’, 2007, dibentangkan di Majlis Ilmu Daerah Brunei/Muara, Sempena Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke 61 Tahun, Anjuran Jabatan Perdana Menteri bertempat Dewan Serbaguna, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Berakas.

Melaka, 1991, Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991, No.6 tahun 1991.

Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi, Kamus Idris al-Marbawi, 1998, Kuala Lumpur: Dar an-Nu’mān.

Syamsuddin Muhammad bin Abi al-‘Abbas Ahmad bin Hamzah bin Syihabuddin ar-Ramli, Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj, 1386H/1967, Juz 1, Mesir: Syirkah Maktabah wa Mutabi‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuh.

Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an, 2000, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Wahid Abdussalam Bali, *Al-Sorim al-Tabarfi al-Tassodda li al-Saharati Al-Asyrar*. (Jeddah: Maktabah al-Sohabah, 1992), hlm. 2-3.

Yusuf al-Qardhawi, Fatawa al-Mu’asirah.